

Hukuman sebat terhadap kanak-kanak perlu diharamkan

Merotan patut dijadikan kaedah akhir bentuk disiplin, kawal tingkah laku anak

B.H 9/07/07 M.S 5

Oleh Halina Mohd Noor

MALAYSIA antara negara yang masih mengamalkan hukuman sebat atau korporal di kalangan pesalah juvana dan kanak-kanak walaupun tindakan itu ditolak kebanyakan negara maju di seluruh dunia.

Berdasarkan laporan Global Initiative bagi mengakhiri hukuman korporal di kalangan kanak-kanak, Malaysia tersenarai sebagai negara yang mengamalkan hukuman itu sama ada di rumah, sekolah dan dalam sistem hukuman seperti institusi pemulihan serta penjara.

Hukuman korporal diharamkan sama sekali di 18 negara di Eropah dan Asia Barat menghalang hukuman itu dilakukan ke atas kanak-kanak di rumah, sekolah dan sistem hukuman, manakala negara seperti United Kingdom membenarkan sesetengah hukuman korporal dilakukan di sekolah dan sistem hukuman sebagai cara mendisiplinkan kanak-kanak berkenaan.

Di Mesir, korporal tidak dibenarkan di sekolah mahupun dalam sistem hukuman.





TEKUN: Peserta persidangan tertarik dengan ceramah yang disampaikan.

Berdasarkan definisi, hukuman korporal bermatlamat membetulkan atau mengawal tingkah laku kanak-kanak, tetapi ia bersifat keganasan fizikal yang bermatlamat menyebabkan kanak-kanak merasai kesakitan tanpa kecederaan.

Berdasarkan sifatnya itu, kebanyakan negara maju di seluruh dunia menganggap ia sebagai mencabuli hak kanak-kanak.

Pensyarah Undang-Undang Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Dr Farah Nini Dusuki, berkata hukuman berdasarkan kekerasan fizikal yang tidak disekat di rumah dan di sekolah berkemungkinan boleh menyebabkan ia berlarutan menjadi kes dera.

"Mula-mula memang hendak disiplinkan anak dengan merotan, tetapi lebih bahaya ia boleh menjadi kes deraan fizikal. Kanak-kanak tidak faham mengapa mereka dikasari dan tidak mustahil mengulangi kesalahan sama dan hukuman bersifat kekerasan berulang.

"Tidak dinafikan dalam Islam, ibu bapa dibenarkan merotan anak, tetapi ada batasannya. Rasulullah ada mengatakan anak yang berusia 10 tahun dan ingkar sembahyang

boleh dipukul kerana kanak-kanak berusia 10 tahun dianggap sudah boleh faham kesalahan mereka," katanya ketika berucap pada simposium sempena Persidangan Ke-6 Penderaan dan Pengabaian Kanak-Kanak Kebangsaan di Hotel Concorde, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Dr Farah berkata, kekerasan fizikal juga kerap berlaku pada peringkat sekolah oleh guru untuk kesalahan kecil walaupun hanya pengetua, guru kanan dan disiplin dibenarkan merotan pelajar dengan syarat tertentu.

"Pada 2003, penyelidikan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (Suhakam) mengenai kesedaran hak asasi manusia di kalangan guru sekolah menengah, pelajar dan pentadbir, mendapati rotan digunakan secara kerap.

"Kajian membabitkan 5,754 pelajar, 52 peratus bersetuju hukuman

rotan sering berlaku di sekolah mereka. Ia lebih kerap berlaku di luar bandar berbanding di bandar. Kira-kira 80 peratus kes berlaku di sekolah teknikal. Kira-kira 79.5 peratus guru dan 71.8 peratus pentadbir bersetuju pesalah perlu di rotan," katanya.

Berdasarkan kajian perbandingan, 10,073 kanak-kanak berusia tujuh hingga sembilan tahun di Asia Timur dan Pasifik oleh Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (Unicef) dan Penyelidikan Antara bangsa Asia (Thailand) pada 2001, mendapati 25 peratus responden di Malaysia melaporkan mereka dipukul ibu bapa, manakala dua peratus lagi mengatakan sukar untuk berbincang dengan guru masing-masing kerana guru memukul mereka.

Undian secara talian oleh Suhakam pada 2005 mendapati, 31.3 peratus daripada 64 responden

bersetuju rotan di kalangan pelajar sekolah adalah keganasan ke atas hak asasi manusia, namun 57.8 peratus tidak bersetuju dan 10.9 peratus tidak pasti.

"Hukuman merotan perlu dijalankan sebagai kaedah terakhir. Perlu ada kesedaran, kanak-kanak juga memiliki hak tersendiri yang perlu dihormati oleh orang dewasa. Anak yang dididik dengan kekerasan, lebih mudah terjerumus dengan aktiviti ganas apabila dewasa," katanya.

Artikel 19 Konvensyen Hak Kanak-Kanak menegaskan agar kanak-kanak dilindungi daripada semua bentuk keganasan fizikal dan mental ketika berada di bawah jagaan ibu bapa mahupun penjaga lain. Larangan ke atas bentuk keganasan ini juga perlu disertakan dengan pendidikan awam bagi menggalakkan langkah positif diambil.



“Sekiranya ada guru selain guru besar dan disiplin yang mengambil tindakan sendiri dengan merotan murid, tindakan boleh diambil ke atas guru berkenaan”

Noor Rezan Bapoo Hashim
Pengarah Bahagian Sekolah, Kementerian
Pelajaran Malaysia

Merotan di sekolah tindakan terakhir

HUKUMAN korporal seperti rotan bukanlah satu keutamaan yang diamalkan di sekolah sebaliknya hanya dilaksanakan sebagai pilihan terakhir.

Pengarah Bahagian Sekolah, Kementerian Pelajaran Malaysia, Noor Rezan Bapoo Hashim, berkata pada amnya hukuman murid mengikut langkah ditetapkan atau gabungan daripada beberapa hukuman mengikut budi bicara pengetua atau guru besar.

“Murid bermasalah biasanya dirujuk kepada kaunselor sekolah. Jika tiada perubahan, kita beri amaran pertama, kedua dan ketiga. Selepas amaran ketiga, jika masih melakukan kesalahan, baru kita rotan. Ini diikuti dengan gantung sekolah dan terakhir sekali, buang sekolah,” katanya.

Beliau berkata, Kementerian Pelajaran menetapkan hanya guru besar boleh menentukan sama ada hukuman itu boleh dilaksanakan atau guru disiplin secara bertulis. Hukuman rotan hanya boleh dibuat di dalam bilik guru besar dengan kehadiran penolong kanan dan ibu bapa.

“Apabila murid terbabit dengan permasalahan, dia akan melalui beberapa proses iaitu siasatan kes, pertuduhan kes, makluman kepada ibu bapa atau penjaga, membela diri dan baru hukuman dijatuhkan.

“Cara merotan juga ada syaratnya

iaitu tidak boleh melebihi had dan jenis rotan digunakan juga ditetapkan. Pelajar itu akan dimaklumkan mengenai kesalahan mereka dan mengapa mereka perlu dirotan.

“Guru tidak boleh bertindak mengikut perasaan, tetapi perlu mengikut prosedur ditetapkan. Tindakan tegas boleh dikenakan ke atas guru yang melanggar ketetapan ini sekiranya ia dilaporkan oleh ibu bapa,” katanya.

Walaupun setakat ini tiada statistik mengenai bilangan guru yang mendera pelajar di negara ini, Noor Rezan tidak menafikan ada segelintir guru yang masih memukul murid walaupun untuk kesilapan kecil.

Beliau turut menegaskan Kementerian Pelajaran memandang serius terhadap guru yang mendera pelajar terutama bagi kesalahan jenayah seksual yang boleh membuatkan guru berkenaan di buang sekolah.

“Guru yang mencabul kehormatan pelajar tidak layak bergelar guru. Mereka akan dihantar ke jabatan lain kerana tidak boleh bergaul lagi dengan pelajar perempuan atau dibuang kerja. Mengikut peraturan antara bangsa, murid perempuan tidak boleh disentuh secara fizikal oleh mana-mana guru lelaki,” katanya.

Kekerasan bukan kaedah berkesan untuk didikan

KANAK-KANAK yang sering dirotan atau disebat oleh ibu bapa boleh menjadi lebih agresif apabila dewasa dan tidak mustahil mereka boleh terjebak ke dalam kancah jenayah.

Pakar Perunding Kanak-Kanak dan Remaja, Hospital Kuala Lumpur, Dr Sheila Marimuthu, berkata hukuman rotan atau sebat bukanlah kaedah berkesan untuk mendidik kanak-kanak kerana ia hanya meninggalkan kesan jangka pendek saja.

"Kanak-kanak hanya akan ingat mengenai kesalahan yang dilakukan itu pada masa mereka dirotan saja dan kemudian terus lupa. Itulah sebabnya, saya tidak bersetuju jika hukuman bersifat fizikal ini dikenakan ke atas anak-anak.

"Dalam jangka panjang, ia tidak mengajar anak sebaliknya hanya menambahkan lagi sikap agresif dalam dirinya. Kalau diteliti, kanak-kanak yang sering dirotan ini lebih nakal kerana mereka tidak takut lagi jika dirotan," katanya.

Beliau berkata, anak yang sering dirotan juga lebih cenderung mengamalkan hukuman yang sama kepada anak mereka apabila berkeluarga kelak.

Hukuman rotan juga tidak mustahil menjadikan tindakan berkenaan cenderung berbentuk deraan bagi melepaskan rasa marah

dan dendam kepada ibu bapa yang sering memukul mereka.

"Jika anak nakal, sebaiknya kaji terlebih dulu mengapa mereka berkelakuan sedemikian. Sebolehnya elakkan daripada menggunakan kekerasan fizikal. Ibu bapa perlu lebih bijak berkomunikasi dengan anak, beritahu kenapa dan apakah kesalahan mereka. Berikan hukuman yang boleh membuatkan mereka belajar daripada kesilapan lalu," katanya.

Beliau berkata, ibu bapa perlu bijak mengatur disiplin tertentu di dalam rumah agar anak boleh mengikutinya tanpa menimbulkan tekanan kepada ibu bapa mahupun kanak-kanak berkenaan. Mewujudkan undang-undang di dalam rumah adalah antara cara untuk memastikan anak belajar mengikut peraturan ditetapkan.


"Memberikan penghargaan kepada anak apabila mereka berjaya mengikut peraturan ditetapkan adalah lebih baik daripada merotan anak apabila mereka melakukan kesilapan. Sistem penghargaan mengelakkan anak daripada kerap dihukum.

"Jika mereka tidak mengikut cakap, sekat apa yang disukainya dalam tempoh tertentu misalnya, tidak membenarkan anak bermain 'play station' kegemarannya," katanya.

“Ibu bapa perlu lebih bijak berkomunikasi dengan anak, beritahu kenapa dan apakah kesalahan mereka. Berikan hukuman yang boleh membuatkan mereka belajar daripada kesilapan lalu”

Dr Sheila Marimuthu

Pakar Perunding Kanak-Kanak dan Remaja HKL



Definisi hukuman korporal

Profesor Murray Straus mendefinisikan hukuman korporal sebagai penggunaan tekanan fizikal dengan niat menyebabkan kanak-kanak mengalami kesakitan, tetapi tidak mendatangkan kecederaan, dengan tujuan memberikan pengajaran atau kawalan ke atas tingkah laku kanak-kanak berkenaan.

Negara yang menentang hukuman korporal sepenuhnya

- Sweden (1979)
- Finland (1983)
- Norway (1987)
- Austria (1989)
- Cyprus (1994)
- Denmark (1997)
- Latvia (1998)
- Croatia (1999)
- Jerman (2000)
- Israel (2000)
- Bulgaria (2000)
- Iceland (2003)
- Ukraine (2004)
- Romania (2004)
- Hungary (2005)
- Greece (2006)
- Netherlands (2007)

Hukuman secara fizikal boleh memberi kesan ketara yang dipelajari anak iaitu:

- Anak menjadi marah, memberontak, takut;
- Anak belajar untuk bertindak secara agresif apabila berhadapan dengan masalah;
- Menghadapi tekanan emosi dan mental;
- Melihat ibu bapa sebagai orang yang sangat ditakuti dan tidak boleh didekati;
- Merenggangkan hubungan ibu, bapa dan anak; dan
- Mendidik secara negatif seolah-olah menyakiti orang lain adalah dibenarkan.



“Hukuman merotan perlu dijalankan sebagai kaedah terakhir. Perlu ada kesedaran, kanak-kanak juga memiliki hak tersendiri yang perlu dihormati oleh orang dewasa”

Dr Farah Nini Dusuki
Pensyarah Undang-Undang UIAM

INFO

Kedudukan hukuman korporal di Malaysia

Rumah	Sekolah	Sistem hukuman
Dibenarkan dan kaedah hukuman paling lazim dilakukan	Hukuman rotan dan lain-lain bentuk hukuman fizikal berleluasa	Sebat adalah satu cara menghukum pesalah kanak-kanak
Tiada tindakan undang-undang kecuali membabitkan kecederaan teruk	Dibenarkan oleh Kementerian Pelajaran kepada pengetua dan guru disiplin	Seksyen 91, Akta Kanak-kanak 2001